

Chapter Alumni YOSH UPM anjur Solat Hajat dan Munajat Perdana, satukan mahasiswa dan alumni



SERDANG, 23 Jun – Chapter Alumni YOSH UPM dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM dan MyFundAction telah menganjurkan Solat Hajat dan Munajat Perdana baru-baru ini, yang dihadiri oleh 94 pelajar bagi menyatukan mahasiswa dan alumni.

Program tersebut bertujuan untuk memberi ruang kepada pelajar untuk memohon keberkatan dan kekuatan rohani menjelang peperiksaan akhir semester, di samping menyemai keprihatinan terhadap isu kemanusiaan melalui pengisian forum khas.

Pengerusi Jemaah Pengetua Kolej Kediaman UPM, Prof. Madya Dr. Amini Amir Abdullah berkata, program ini mencerminkan usaha ke arah keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah pelajar.



"Kolaborasi antara alumni dan pelajar dalam program ini bukan sekadar menyatukan dua generasi UPM tetapi turut membuka ruang perkongsian pengalaman, ilmu dan inspirasi yang mampu memberi impak jangka panjang kepada pembangunan sahsiah dan hala tuju akademik pelajar," katanya.

Aktivis kemanusiaan Palestin, Nabihah Zakaria berkata para pelajar UPM perlu mensyukuri nikmat keamanan serta memanfaatkan peluang menuntut ilmu sebaik mungkin.

"Kita di sini sepatutnya bersyukur dan cuba untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Dengan kejayaan kita nanti, kita dapat beri semula ilmu kita perolehi kepada ummah," katanya.



Penceramah jemputan, Dai' Azrin Mohd Isa, berkata adalah penting pelajar menjadikan ibadah sebagai tunjang kehidupan harian.

“Dalam kesibukan mengejar kejayaan akademik, pelajar perlu memastikan solat sentiasa menjadi keutamaan kerana di situlah letaknya kekuatan sebenar seorang Muslim,” katanya.

Dalam pada itu, program ini turut membuka ruang penglibatan aktif antara mahasiswa dan alumni dalam memperkukuh jaringan sokongan spiritual dan motivasi dalam komuniti kampus UPM.